

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN**

**KPM OPTIMIS KEPUTUSAN SPM 2023, TANGANI SEGERA ISU
CALON KECICIRAN ATAU TIDAK HADIR PEPERIKSAAN**

Tahniah diucapkan kepada semua calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023, guru dan seluruh warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah berusaha keras memastikan peningkatan prestasi secara keseluruhan.

Gred Purata Nasional (GPN) SPM 2023 adalah 4.60 dengan peratusan calon layak menerima sijil 93.5%. Seramai 11,713 orang calon berjaya memperoleh gred semua A. Keputusan ini adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya.

Dari segi kehadiran untuk menduduki peperiksaan, seramai 373,525 orang calon (97.4%) telah menduduki peperiksaan SPM 2023. Jumlah calon yang tidak menduduki peperiksaan telah berjaya dikurangkan sebanyak 1.2% berbanding tahun lalu. Pencapaian ini adalah hasil intervensi yang dilaksanakan di setiap peringkat melibatkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah.

Walaupun begitu, KPM tetap mengambil perhatian berkenaan calon yang tercicir atau tidak hadir peperiksaan SPM 2023. Antara langkah segera yang akan diambil KPM termasuk membuat pengesanan calon yang tercicir dan memberi peluang kepada mereka untuk mendaftar bagi menduduki peperiksaan secara ulangan. Intervensi ini telah dilaksanakan pada tahun lalu dan berjaya membuahkan hasil yang positif.

KPM optimis keputusan membanggakan SPM 2023 adalah pemangkin dalam usaha berterusan mereformasikan pendidikan negara.

-TAMAT-

**YB FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN
27 MEI 2024**